

## **PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN (PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL)**

### **A. Tarikh permohonan**

1. Kelompok 1 Bermula dari 1 Oktober 2021 sehingga 31 Oktober 2021
2. Kelompok 2 Bermula dari 1 November 2021 sehingga 30 November 2021

### **B. Cara membuat permohonan**

1. Pelajar perlu:-
  - i. Membuka Akaun Bank Muamalat  
-Perlu membawa kad pengenalan, surat tawaran kemasukan ke DHU dan wang sejumlah RM20
  - ii. Membuka Akaun SSPN ( Skim Simpanan Pendidikan Nasional )  
-Perlu membawa kad pengenalan, sijil kelahiran dan wang deposit minimum RM20  
-Akaun boleh dibuka di mana-mana cawangan PTPTN, Maybank, Bank Islam, Bank Rakyat & Agrobank
  - iii. Membeli Nombor Pin PTPTN di Bank BSN  
-RM5  
-hanya boleh digunakan bagi 1 permohonan sahaja
2. Bagi pemohon yang baru pertama kali hendak menggunakan sistem permohonan secara atas talian (online), sila daftarkan permohonan anda dengan mengisi maklumat nombor PTPTN pada menu PENDAFTARAN KALI PERTAMA dan menekan butang DAFTAR. Pemohon tidak perlu memilih menu tersebut bagi penggunaan seterusnya (hanya perlu daftar masuk dengan memasukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan di ruangan atas laman web dan menekan butang LOG MASUK)
3. Menyelesaikan keseluruhan hutang pembiayaan pendidikan terdahulu sekiranya pernah mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN tetapi gagal / berhenti / mendapat penaja lain / membatalkan pembiayaan pendidikan PTPTN.
4. Hanya emel rasmi pelajar sahaja yang perlu digunakan bagi urusan rasmi PTPTN.

5. Memastikan data-data pelajar yang diisi di Maklumat Pembiayaan adalah tepat
  - i. Pemohon mestilah memastikan maklumat yang diisi adalah tepat dan betul sebelum menekan butang "Ya" bagi tujuan pengesahan permohonan
  - ii. Butiran kursus adalah mengikut surat tawaran kemasukan ke DHU
  - iii. Tarikh mula pengajian perlulah mengikut bulan/tarikh surat tawaran kemasukan ke DHU
  - iv. Akaun bank yang diterima oleh pihak PTPTN adalah Bank Muamalat sahaja
  - v. Setiap permohonan yang telah disahkan TIDAK boleh dibuat pindaan dan pemohon dikehendaki membeli nombor PTPTN yang baru untuk membuat permohonan baru.

6. Semua permohonan pinjaman perlu dibuat melalui laman sesawang PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/ionline/#/first-time-application> seperti contoh dibawah; -

The screenshot shows the PTPTN online application interface. At the top, there's a logo for TABUNG Pendidikan PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL. Below it, a message says 'Pendaftaran Kali Pertama' and '\*\* Sekiranya pembelian pin di BSN'. The main section is titled 'LOG MASUK PENDAFTARAN PINJAMAN'. It contains four input fields: 'NO. KAD PENGENALAN \*', 'TARIKH BAYARAN (HHBBTT) \*', 'MASA BAYARAN (JJMMSS) \*', and 'NO PTPTN \*'. Each field has a note below it: 'Sila isikan No Kad Pengenalan (12 digit) tanpa mengisi sebarang (-, /, ruang kosong)' for the first field, '(HHBBTT)' for the second, '(JJMMSS)' for the third, and 'Masukkan Maklumat No. PTPTN yang diberi daripada BSN' for the fourth. To the right, a 'PANDUAN:' box lists three links: '(I) Panduan Pendaftaran Kali Pertama (sekiranya membeli No. PTPTN melalui online). <a href="#">DI SINI', '(II) Panduan Pendaftaran Kali Pertama (sekiranya membeli No. PTPTN melalui BSN). <a href="#">DI SINI', and '(III) Panduan mengisi dokumen perjanjian tawaran pinjaman. <a href="#">DI SINI'. A green 'DAFTAR' button is at the bottom left, and a note at the bottom center says 'Nota: Bahagian yang mempunyai tanda (\*) adalah wajib diisi.'

### C. Semakan Kelulusan

1. Sila semak kelulusan anda dalam tempoh 7 hari selepas tarikh permohonan tutup. Pihak PTPTN akan memaklumkan kelulusan pembiayaan pinjaman melalui email rasmi pelajar atau pelajar boleh berhubung terus dengan pegawai PTPTN untuk mendapat pengesahan.
2. Sekiranya permohonan pinjaman diluluskan, pelajar hendaklah mencetak dokumen perjanjian yang telah dihantar melalui email atau melalui akaun pelajar di laman sesawang, seterusnya melengkapkan dan menghantar ke mana-mana pejabat PTPTN yang berdekatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen perjanjian dikeluarkan oleh pihak PTPTN.
3. Pastikan pelajar membuat 1 salinan dokumen perjanjian yang telah di semak oleh Pejabat PTPTN untuk diserahkan kepada pihak Universiti bagi tujuan rekod oleh pihak tertentu.

### D. Syarat Pinjaman Setelah Permohonan Diluluskan

1. Memperolehi GPA 2.00 dan ke atas pada setiap semester untuk melayakkan pelajar mendapat pinjaman pada semester tersebut.
2. Jika pelajar mendapat GPA 1.99 dan ke bawah, pinjaman PTPTN untuk semester tersebut akan digantung sehingga pelajar mendapat GPA 2.00 dan keatas pada semester berikutnya.

3. Pembayaran yuran pengajian yang digantung oleh pihak PTPTN perlu dijelaskan sendiri oleh pihak pelajar

**TAMAT**